

## WoW sasar penyertaan 5,000 wanita muda

April 2, 2022 @ 7:05pm



Foto hiasan

KUANTAN: Program 'Women of Wisdom' (WoW) anjuran Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) menyasarkan 5,000 penyertaan wanita muda pada tahun ini dalam usaha melahirkan golongan yang berketerampilan, mempunyai daya kreativiti dan inovasi.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Senator Datuk Seri Ti Lian Ker, berkata setakat ini kira-kira 500 peserta dari Kedah, Sabah dan Pahang telah menyertai program itu dan mendapat pendedahan antaranya dalam bidang kepimpinan, komunikasi dan personaliti.

Usahawan dan ikon wanita selain pengengaruh media sosial akan diundang bagi berkongsi pengetahuan dan bertukar pendapat.

"Program yang dianjurkan secara percuma ini adalah platform perkongsian pengalaman dan idea bagi merealisasikan aspirasi kerajaan dalam membangunkan modal insan yang berdaya saing.

"Ia dianjurkan berterusan dengan menyasarkan 5,000 penyertaan dari seluruh negara dan selepas ini kita akan menganjurkannya di Melaka," katanya selepas Majlis Perasmian Penutup Program WOW4U@i-Lead hari ini yang turut dihadiri Ketua Pengarah i-Lead, Haswandi Ahmad.

Pada majlis itu, seramai 120 peserta terdiri daripada badan bukan kerajaan (NGO), mahasiswi daripada pelbagai universiti awam dan swasta berumur lingkungan 18 hingga 30 tahun telah menyertai program berkenaan.

Orang ramai yang berminat untuk menyertainya boleh mengunjungi laman web <https://i-lead.gov.my> untuk maklumat lanjut. – BERNAMA